

Siapa arah, lepaskan tembakan?

Fokus perbicaraan turut kenal pasti rakan jenayah, pihak cuba tutup bukti



Skop utama perbicaraan kes tembak jatuh pesawat MH17 yang bermula hari ini, menjurus kepada menentukan siapa yang melepaskan tembakan, BUK Telar dan pihak bertanggungjawab memberi arahan dengan mengetahui atau sepatutnya mengetahui apa yang akan berlaku.

Perbicaraan yang mendapat liputan seluruh dunia itu, berada dalam bidang kuasa Mahkamah Rendah The Hague, namun bakal dijalankan di Kompleks Kehakiman Schiphol di Badhoevedorp, di sini.

Fokus hari ini turut terarah mengenali pasti pihak yang terbabit menyebabkan kejadian itu (rakan jenayah) dan pihak yang cuba menutup bukti kejadian. Perbicaraan kes ditetapkan dua minggu bagi fasa pertama, mendapat liputan meluas media tempatan dan antarabangsa, manakala sebahagian besar wartawan dari Malaysia serta Ukraine berada di negara ini sejak dua hari lalu.

Prosiding membabitkan tiga tertuduh warga Russia dan seorang rakyat Ukraine itu, didengar tiga hakim dan dua pendakwa kes dikendalikan Pendakwa Raya Fred Westerbeke.


Empat tertuduh dijangka dibiarkan tanpa hadir di mahkamah (in absentia) ialah bekas Kolonel Perkhidmatan Keselamatan Persekutuan Russia (FSB), Igor Girkin; bekas pegawai Agensi Perisikan Tentera agensi Tentera Russia (GRU), Sergey Dubinskiy; bekas pegawai tentera Spetsnaz-GRU, Oleg Pulatov dan warga Ukraine, Leonid Kharchenko.

Hanya seorang tertuduh disahkan mahkamah diwakili peguam Belanda, namun semua tertuduh dijangka tidak menghadiri perbicaraan ini.

Setakat ini, tertuduh didakwa kesalahan membunuh dan dengan sengaja serta tidak sah memusnahkan MH17 sehingga menyebabkan kematian 298 penumpang, namun skop tuduhan boleh diperluaskan pada hari pertama prosiding.

Prosiding dijangka bermula dengan memperkenalkan barisan hakim sebelum mengesahkan ke-

Perbicaraan kes tembak jatuh pesawat MH17



KRONOLOGI TRAGEDI MH17

17 JULAI 2014

- » 12.15 tengah hari waktu Amsterdam, MH17 berlepas dari Lapangan Terbang Amsterdam.
- » 10.15 malam [waktu Malaysia] Trafik Kawalan Udara [ATC] Ukraine terputus hubungan dengan Penerbangan MH17 kira-kira 50km dari sempadan Russia-Ukraine.
- » 10.30 malam - Media antarabangsa melaporkan penemuan bangkai pesawat MH17 berhampiran perkampungan Grobovo.



18 JULAI 2014

- » Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengarahkan siasatan segera.
- » Masyarakat antarabangsa menggesa siasatan antarabangsa yang menyeluruh dan telus.

19 JULAI 2014

- » Pasukan Siasatan Khas Malaysia membabitkan 131 anggota tiba di Kiev, Ukraine.

» MAS mengeluarkan senarai penuh nama penumpang.

21 JULAI 2014

- » 12 anggota pasukan perunding Malaysia diketuai Ketua Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara, Lt Kol Mohd Sukri Hussain memperoleh kotak hitam MH17 dan jasad mangsa selepas tiga hari berunding dengan ketua pemisah pro-Russia, Alexander Borodai di Donetsk.
- » Kotak hitam itu kemudian dihantar ke Farnborough, barat daya London untuk pemeriksaan data penerbangan.
- » Mayat mangsa diterbangkan ke Eindhoven, Belanda untuk proses Pengecaman Mayat Mangsa Bencana (DVI) dan siasatan jenayah.

23 JULAI 2014

- » Parlimen Malaysia mengutuk tindakan tidak bertamadun, tidak berperikemanusiaan dan ganas oleh pihak menembak jatuh pesawat pesawat MH17.

1 OGOS 2014

- » Najib tiba di Amsterdam. Malaysia dan Belanda menggesa pertempuran dihentikan di kawasan nahas.

22 OGOS 2014

- » Hari Perkebangan Negara diisytiharkan di Malaysia. 20 jenazah warga Malaysia dibawa pulang.

9 SEPTEMBER 2014

- » Siasatan awal menyimpulkan pesawat dan kru kapal tidak menghantar sebarang isyarat kecemasan. Pemerhatian mendapati ada kesan objek bertenaga tinggi yang menembusi pesawat dari luar.

1 DISEMBER 2014

- » Malaysia diterima sebagai anggota penuh Pasukan Siasatan Bersama MH17.
- » Bangkai MH17 dibawa keluar dari kawasan nahas

10 JULAI 2015

- » Malaysia menerima laporan siasatan nahas udara pesawat MH17 daripada pihak berkuasa Belanda.

14 JULAI 2015

- » Australia, Belgium, Malaysia, Belanda dan Ukraine gesa Majlis

Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menubuhkan tribunal jenayah dan mendakwa mereka yang bertanggungjawab mengorbankan 298 nyawa.

30 JULAI 2015

- » Russia guna kuasa vetonya dalam Majlis Keselamatan PBB untuk menghalang cadangan lima negara menubuhkan tribunal jenayah antarabangsa.

13 OGOS 2015

- » Malaysia menerima laporan akhir nahas MH17 disediakan jawatankuasa bebas.

22 MAC 2016

- » Kerajaan Malaysia setuju memberi bantuan 'one-off' AS\$5,000 [RM20,300] kepada setiap waris nahas MH17.

22 MEI 2016

- » Keluarga 33 mangsa memfailkan saman di Mahkamah HakAsasi Manusia Eropah terhadap Presiden Vladimir Putin dan Russia, tuntutan pampasan RM29 juta setiap seorang.

29 SEPTEMBER 2016

- » Russia dakwa laporan Pasukan Siasatan Bersama (JIT) sebagai berat sebelah dan bermotif politik.

21 SEPTEMBER 2017

- » Malaysia memeterai memorandum persefahaman mengenai Sokongan Politik Untuk Mendakwa Dalang Di Sebalik Terhempasnya MH17.

24 MEI 2018

- » Pasukan penyiasat mendakwa peluru berpandu digunakan untuk menembak jatuh pesawat adalah daripada briged tentera Russia.

19 JUN 2019

- » Pasukan penyiasat antarabangsa mengumumkan pertuduhan ke atas empat suspek yang menembak jatuh pesawat MH17, iaitu Igor Vsevolodovich Girkin, Sergey Nikolayevich Dubinskiy, Oleg Yuldashevich Pulatov, masing-masing warga Russia, manakala Leonid Volodymyrovych Kharchenko, rakyat Ukraine.



hadiran pihak berkepentingan di mahkamah dan sama ada tertuduh diwakili peguam.

Selain itu, mahkamah akan memastikan sama ada tertuduh yang tidak hadir mengetahui ada pendakwaan terhadap mereka sebelum meneruskan prosiding.

Hakim juga melihat sama ada keluarga dan waris tertuduh hadir; selain sama ada mereka berhasrat membacakan kenyataan kepada mahkamah.

Mahkamah akan meneliti pada tahap mana fail kes lengkap dan mungkin meminta dokumen tambahan jika siasatan masih berjalan, selain memastikan peguam bela menerima dan meneliti fail kes.

Fasa pertama prosiding membabitkan perkara prosedur dengan hakim bertanya sama ada peguam bela mempunyai permohonan lain sebelum perbicaraan dimulakan.

Berdasarkan sistem *inquisitorial* (penyiasatan) diamalkan Belanda, mahkamah secara aktif terbabit dalam menyiasat fakta kes, berbanding sistem *adversarial* di Malaysia, iaitu mahkamah bertindak sebagai pengadil yang tidak berat sebelah bagi pihak pendakwaan dan pembelaan yang berperanan aktif mengemukakan bukti serta hujahan mereka.

Melalui penerangan kepada me-

dia Malaysia oleh wakil Mahkamah District The Hague, keterangan saksi lazimnya akan didengar oleh hakim yang menjalankan siasatan dan dilakukan di luar mahkamah, bukan dalam prosiding perbicaraan.

Ketika prosiding perbicaraan, pernyataan saksi akan dibaca sama ada oleh pihak pendakwaan atau hakim, justeru tidak ramai saksi akan tampil memberi keterangan di mahkamah.